

TATACARA OPERASI STANDARD PENDAFTARAN MASUK PELAJAR KOLEJ MATRIKULASI JOHOR

1. PENDAHULUAN

Bagi memastikan keselamatan dari pandemik COVID-19, semua pihak yang terlibat perlu **memberi kerjasama sepenuhnya** dengan mematuhi *Standard Operating Prosedur (SOP)* pendaftaran masuk pelajar ke Kolej Matrikulasi Johor yang telah digariskan ini. Tatacara ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen **Tatacara Pengoperasian Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2021, surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan arahan serta peraturan berkaitan** yang sedang berkuat kuasa dan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa. Tatacara ini terpakai kepada semua pegawai, pelajar dan waris pelajar Kolej Matrikulasi Johor

2. SYARAT KEMASUKAN PELAJAR

- Pelajar **SDS** (Program Dua Tahun Jurusan Sains & Perakaunan) dan **SES III** (Program Empat Tahun Jurusan Sains Semester 3) sahaja.
- Pelajar yang telah **lengkap divaksin**. Kriteria vaksinasi lengkap adalah seperti berikut:
 - **Dua dos** suntikan - individu berkenaan mestilah **melempi hari ke-14 dari tarikh suntikan kedua**.
 - Cormirnaty (Pfizer-Biontech),
 - COVID-19 Astrazeneca (Oxford-Astrazeneca),
 - CoronaVac (Sinovac),
 - Spikevax (Moderna) dan
 - Covilo (Sinopharm).
 - **Satu Dos** suntikan – individu berkenaan mestilah **melempi hari ke-28 dari tarikh suntikan**.
 - COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson)
 - Convidecia (CanSino)
- Sihat tubuh badan, tidak bergejala dan bukan di dalam tempoh kuarantin.

3. IBU BAPA DAN WARIS YANG DILARANG menghantar pelajar pulang adalah:

- Ibu bapa / waris yang belum mendapat vaksin lengkap.
- Individu dibawah *Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Korona Virus 2019 (Covid-19) di bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)* yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- *Person Under Investigation* (PUI)
- Individu positif Covid-19
- Bergejala : Demam, selesema

4. STANDARD OPERATING PROSEDUR PENDAFTARAN

Sebagai rujukan semua pihak terutama ibu bapa / waris / penjaga pelajar, pengurusan kolej dan agensi luar yang berkaitan iaitu :

Sebelum

- i. Ibu bapa / waris / pengiring perlu **MEMATUHI** ketetapan jadual pendaftaran melalui **MEMO DAFTAR MASUK PELAJAR**, no. Rujukan KMJ.700-4/4(0) yang telah disiarkan di *Telegram Channel Info Rasmi KMJ 2021/2022*. Pihak pengurusan kolej berhak menghalang ibu bapa / waris / pengiring dari memasuki kawasan kolej di luar waktu seperti yang telah diwartakan.
- ii. Isi **BORANG PENGISYTIHARAN KESIHATAN** 1 hari sebelum bertolak ke KMJ.
- iii. Membawa bersama **1 Set Ujian Kendiri Covid-19 (RTK-Saliva)** – Pelajar akan menjalani ujian kendiri setibanya di kolej.

Semasa (Tempoh berurusan – 60 minit)

- i. Menunjukkan kad vaksin/sijil vaksin digital (Pelajar & Pengiring)
- ii. Merekod suhu dan mengimbas *QR Code MySejahtera* (Pelajar & Pengiring)
- iii. Serah **BORANG PENGISYTIHARAN KESIHATAN** kepada petugas.
- iv. Hanya **SEORANG PENGIRING SAHAJA** dibenar masuk ke kawasan kolej.
- v. Pelajar menjalani Ujian Kendiri Covid-19 di kawasan dikhaskan.

- **POSITIF** – Pengiring meninggalkan kawasan kolej dan bergerak pulang serta merekodkan kes di MySejahtera dan melaporkan kes ke PKD di kawasan tempat tinggal untuk tindakan selanjutnya.
 - **NEGATIF** – Pelajar akan diberi kad kelulusan untuk mendaftar masuk ke kolej kediaman. Pengiring bergerak pulang
- vi. Ibu bapa / pengiring menurunkan barang di hadapan kolej kediaman dan bergerak pulang (pengiring **DILARANG** memasuki lobi kolej kediaman).

Selepas (Pelajar)

- i. Pelaksanaan dan penguatkuasaan norma baharu selama 14 hari
- Menjalani Ujian Kendiri Covid-19 : Hari ke enam dan ke empat belas.
 - Mematuhi semua peraturan dan garis panduan SOP Covid-19 yang ditetapkan pihak kolej dan Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia.


5. LIMITASI

- Semua kawasan dan premis kolej diwartakan sebagai kawasan larangan.

6. JADUAL PENDAFTARAN MASUK PELAJAR

BIL	TARIKH	NEGERI	JURUSAN/MODUL	MASA
1.	20 Oktober 2021 (Rabu)	Johor	Sains (SDS)	8.00 pagi Hingga 4.00 petang
2.	21 Oktober 2021 (Khamis)	Johor	Perakaunan	8.00 pagi Hingga
		Selain Negeri Johor	Sains (SDS) & Perakaunan	4.00 petang

7. CARTA ALIRAN PENDAFTARAN PELAJAR



8. PELAN KOMUNIKASI

- Medium penyampaian maklumat kepada pelajar dan ibu bapa / waris adalah melalui aplikasi *Telegram Info* Rasmi KMJ dan Laman Web Rasmi KMJ sahaja.

9. PENUTUP

Pihak Kolej Matrikulasi Johor sentiasa mengutamakan kebajikan para pelajar. Dalam pada masa yang sama pihak kolej juga perlu sentiasa berusaha untuk mengekang dan mencegah penularan pandemik COVID-19 dari menjangkiti seluruh warganya. Sehubungan dengan itu, semua pihak yang terlibat diharapkan dapat memberikan kerjasama dan mematuhi tatacara ini untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kita bersama.